



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### LPPKN PERKASA INSTITUSI KELUARGA MELALUI PENDEKATAN INKLUSIF DEMI KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK

**PUTRAJAYA, 15 MEI 2026** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) meneruskan komitmen memperkukuh institusi keluarga melalui sambutan Hari Keluarga Antarabangsa 2026 yang disambut pada 15 Mei setiap tahun.

Hari Keluarga Antarabangsa merupakan platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat bahawa institusi keluarga adalah asas kepada pembangunan negara yang mampan, harmoni dan sejahtera. Keluarga yang stabil berupaya melahirkan generasi yang sihat, berdaya tahan dan mempunyai nilai sosial yang kukuh.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengumumkan tema sambutan tahun ini ialah *“Families, Inequalities and Child Wellbeing”*. Ia memberi penekanan kepada kepentingan mengurangkan jurang sosial, ekonomi dan akses kepada perkhidmatan asas yang boleh menjejaskan kesejahteraan keluarga dan perkembangan kanak-kanak.

Selaras dengan aspirasi tersebut, KPWKM menerusi LPPKN melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh daya tahan keluarga, meningkatkan kesejahteraan psikososial masyarakat serta memperluas akses kepada pendidikan kekeluargaan dan perkhidmatan sokongan komuniti.

Antara fokus utama kementerian ialah memperkasakan pendidikan kekeluargaan dan perkhidmatan sokongan keluarga selaras dengan Dasar KASIH Keluarga Negara yang dilancarkan Perdana Menteri pada Februari 2026. Pendekatan pengukuhan keluarga diterapkan melalui pengenalan nilai **KASIH** iaitu **K**asih sayang, **A**khlag, **S**ihat dan selamat, ber**I**lmu dan **H**armoni.

Kementerian juga berusaha memantapkan pelaksanaan program pendidikan keluarga seperti Kursus Perkahwinan SMARTSTART, Program Keibubapaan Positif, Program Pembangunan Remaja dan advokasi nilai KASIH yang memberi penekanan kepada komunikasi berkesan, pengukuhan hubungan kekeluargaan, kesihatan reproduktif serta pembangunan emosi anak-anak di kalangan ibu dan bapa.

Selain itu, turut dipeluaskan ialah akses masyarakat kepada pendidikan reproduktif dan perkhidmatan sokongan psikososial remaja melalui program remaja KafeTEEN secara program turun padang (*outreach*) komuniti melalui kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan komuniti setempat.

Penganjuran beberapa seminar penyelidikan keluarga khususnya mengupas tahap kesejahteraan keluarga terkini berdasarkan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2025 juga akan dilaksanakan. Melalui seminar ini, pelbagai perkongsian inisiatif berasaskan bukti kajian akan dibincangkan bagi memandu polisi dan program yang memberi impak kesejahteraan kepada keluarga.

KPWKM menyeru seluruh masyarakat untuk turut memainkan peranan masing-masing memperkukuh institusi keluarga melalui amalan komunikasi sihat, sokongan emosi, pendidikan positif serta persekitaran yang selamat dan kondusif untuk perkembangan kanak-kanak.

**###**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
15 MEI 2026**